

# Zionis, komunis atau Islamis?



**M**enjelang ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-62 penghujung Ogos ini, sebahagian daripada pemimpin kita masih terbelenggu dengan romantisme 'Tanah Besar' masing-masing hingga ke tahap secara halus mencabar kontrak sosial yang dipersetujui bersama dalam menjamin kedaulatan negara kita.

Antara yang mengecewakan ialah kenyataan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Nga Kor Ming. Beliau secara tidak langsung menyentuh mengenai usaha untuk mengiktiraf para pengikut komunis di Malaysia seperti berikut: "Mending datuk saya dan Hannah Yeoh adalah bekas perajurit yang mempertahankan negara semasa Perang Dunia Kedua bila Jepun menjajah tanah air kita. Mereka yang mempertahankan kedaulatan tanah negara adalah wira dan wirawati, sum-

bangan mereka wajib diberi penghargaan."

Dalam versi Bahasa Inggeris pula beliau menyatakan secara spesifik dengan menyifatkan, "*2nd World War heroes who fought and defended our country including the 3,200 heroes who made huge sacrifices to fight against Japanese invasion in 1939.*"

Soalnya, Jepun hanya mendarat di Tanah Melayu (Kelantan) pada 8 Disember 1941, maka untuk siapa datuk Nga dan datuk Hannah berperang pada tahun 1939? Yang wujud ketika itu ialah Parti Komunis Malaya (PKM) yang ditubuhkan pada 1930 dan terlibat secara langsung dengan perjuangan anti-Jepun yang menakluk Manchuria (China) sejak 1937. PKM inilah yang kemudiannya digunakan British sebagai Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA) atau Bintang Tiga. Ini fakta.

Tidak hairanlah apabila Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan keras memberi amaran bahawa usaha untuk mengiktiraf ahli MPAJA sebagai pejuang ta-

**“Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhlak dan berperibadi mulia.”**

nah air ini sebagai satu pengkhianatan kepada negara. Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin berkata, tindakan mengiktiraf MPAJA adalah sesuatu perkara yang tidak pernah dipersetujui ATM.

Belum reda usaha mengiktiraf 'perjuangan' komunis ini, tiba-tiba seorang lagi pemimpin DAP, Dr P Ramasamy yang juga Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dalam wawancara eksklusif di stesen televisyen India telah mendabik dada kerana memberi tekanan kepada Perdana Menteri Malaysia dalam isu Dr Zakir Naik.

P Ramasamy mengaku beliau ada menekan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad secara peribadi supaya Dr Zakir Naik dihantar balik ke negara

India. Malah, dengan tegasnya beliau menyatakan bahawa Dr Zakir mesti dihantar pulang ke India kerana India mahu melakukan pendakwaan ke atasnya. Katanya, "*I think one thing is clear, my opinion is Zakir Naik should be extradited to India because India wants him to face charges. I am very clear on that.*" Kenyataan itu seolah-olah membenarkan dakwaan Dr Zakir bahawa Ramasamy lebih setia kepada India berbanding kepada Malaysia.

Sesungguhnya, para pemimpin kita wajib untuk segera memutuskan 'kiblat' kepada 'Tanah Besar' masing-masing. Janganlah ada antara kita yang bersikap ibarat zionis Yahudi yang tidak sedar dek untung apabila diterima masuk ke Palestin selepas

Deklarasi Balfour 1917.

Hormatilah Dasar Kebudayaan Kebangsaan negara kita ini. "Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan: Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat yang berakhlak dan berperibadi mulia. Agama Islam memberi panduan kepada manusia dalam mengimbang dan memadukan usaha bagi mengisi kehendak-kehendak emosi dan fizikal dan kerana itu patut menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan memandangkan kedudukannya sebagai agama rasmi negara, di samping telah wujudnya fakta sejarah dan nilai-nilai Islam yang telah sedia didukung oleh sebahagian besar rakyat rantau ini."

Selamat Ulang Tahun Kemerdekaan ke-62.

*\* Abdul Mucin Abadi ialah Pengerusi Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)*